

NAMA: _____

KELAS: _____

A. Bulatkan jawapan yang betul. (5 markah)

1. Kami tidak dapat bermain di padang (**tetapi,** **kerana**) hujan.
2. Sampah hendaklah (**disimpan,** **dibuang**) ke dalam tong sampah.
3. Telefon berguna untuk (**berhubung,** **berkelah**) antara satu sama lain.
4. Badan saya sihat kerana selalu (**berkembang,** **bersenam**).
5. Satis (**terjatuh,** **mendaki**) dari pokok.

Bahagian B: Tulis jawapan berdasarkan pilihan jawapan di bawah. (10 markah)

Bilakah	wah	jangan	di	kerana
---------	-----	--------	----	--------

6. _____, mahalnya harga rantai ini!
7. _____ pijak rumput itu.
8. _____ hari jadi kamu?
9. Tangan Ridzuan patah _____ terjatuh dari basikal.
10. Kanang tinggal _____ rumah panjang.


C. Lengkapi ayat di bawah menggunakan perkataan sendiri. (10 markah)

11



Emak sedang _____ di dapur.

12



Datuk _____ ikan di dalam
akuarium.

13



Abang Amin seorang _____.

14



Ini gambar _____ saya.

15



Nenek suka makan _____ donut.

D.Pilih dan bulatkan jawapan yang tepat.(5 markah)

16. Tugas posmen menghantar_____

A. makanan

B. berita

C. Surat

Soalan 17 berdasarkan gambar 1



Gambar 1


17. Mereka sedang bermain _____.

A. bola sepak

B. hoki

C. bola jaring

Soalan 18 berdasarkan gambar 2



Gambar 2

18. Kami suka bermain _____ di padang.

- A. gasing
- B. layang-layang
- C. guli

19. Lembu-lembu itu sedang meragut _____ di padang.

- A. dedaun
- B. rerumput
- C. bebawang

20. Kita hendaklah berpakaian _____ ke sekolah.

- A. cantik
- B. basah
- C. kemas

Soalan 21 hingga 25 berdasarkan petikan di bawah.(10 markah)

Zhafree murid tahun dua telah Berjaya menjadi juara dalam kejohanan 'Formula Future' di Itali baru-baru ini. Beliau sangat seronok kerana dapat mengharumkan nama Malaysia ke peringkat dunia.

Beliau mendapat tunjuk ajar daripada Syed Abdul Hamid. Setiap hari dari jam 4.00 hingga 6.30 petang Zhafree akan menjalani latihan di Kuala Ibai. Walaupun sibuk dengan latihan, Zhafree tidak pernah lupa pelajarannya.

Zhafree bukan sahaja Berjaya dalam bidang sukan bot laju tetapi juga beliau adalah salah seorang murid yang cemerlang di sekolahnya.

Pilih dan bulatkan jawapan yang betul.

21. Apakah kejayaan Zhafree?

- A. menjadi murid kesayangan Syed Abdul Hamid
- B. menjadi murid terbaik di sekolahnya
- c. menjadi juara di dalam kejohanan 'Formula Future'

22. Di manakah kejohanan itu berlangsung?

- A. Itali
- B. Kuala Ibai
- C. Malaysia

23. Berapakah umur Zhafree?

A. sepuluh tahun

B. sembilan tahun

C. lapan tahun

24. Berapakah jumlah masa Zhafree berlatih dalam sehari?

A. dua jam

B. dua jam setengah

C. empat jam

25. Siapakah jurulatih Zhafree?

A. Syed Abdul Hamid

B. Syed Halim

C. Syed

Soalan 26 hingga 30 berdasarkan petikan di bawah.(10 markah)

Aku sebiji gasing jantung. Aku mendapat nama gasing jantung kerana bentuk aku seperti jantung. Badan aku keras dan kuat. Aku diperbuat daripada sebatang pokok nangka. Sebatang besi dibenamkan ke dalam badanku. Tujuannya supaya badanku menjadi lebih seimbang.

Pemain menggunakan tali yang panjang untuk bermain gasing. Tali itu diperbuat daripada nilon. Pemain melilitkan tali pada badan aku. Aku berasa susah bernafas kerana tali itu melilit badan aku dengan kuat.

Setelah lilitan tali di badan aku kemas,aku dilemparkan ke tanah dengan pantas. Aku tergamam kerana dilemparkan secara tiba-tiba. Pada masa itu,tali tidak lagi melilit badan aku. Aku berpusing dengan ligat pada satu tempat. Lama-kelamaan pusingan badan aku menjadi semakin perlahan. Akhirnya,aku keletihan dan berhenti berpusing.

Bulatkan jawapan yang betul.

26. Aku diperbuat daripada batang.....

- A. pokok ubi
- B. pokok nangka
- c. pokok bunga

27. Apakah tujuan besi dibenamkan ke dalam badan ku?

A. supaya badan ku menjadi lebih besar dan cantik.

B. supaya badanku lemah.

C. supaya badanku menjadi seimbang.

28. Ke manakah aku dilemparkan?

A. ke tanah

B. ke dalam dulang

c. ke dalam kotak

29. Siapakah yang melilitkan tali di badan gasing?

A. Aku sendiri

B. Orang ramai

c. Pemain

30. Mengapakah 'Aku' diberi nama gasing jantung?

A. diperbuat daripada jantung

B. mempunyai jantung

c. bentuk ku seperti jantung